

Teropong gerhana bulan: UniSZA dididik masyarakat dekati ilmu sains, teknologi



ORANG ramai tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan fenomena gerhana bulan penuh menggunakan teleskop di Dapo Pata, Pantai Tok Jembal, baru-baru ini.

KUALA TERENGGANU 6 Feb. - Program Jom Teropong Gerhana Bulan Penuh bersama masyarakat di sini baru-baru ini merupakan salah satu usaha Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam mendekatkan masyarakat setempat dengan fenomena cakerawala yang mempunyai hubungan kait dengan sistem alam semesta dan kehidupan.

Ini juga secara tidak langsung menyentuh mengenai ilmu falak, suatu tradisi keilmuan dalam zaman kegemilangan tamadun Islam yang melibatkan kajian saintifik mengenainya dengan melahirkan tokoh-tokoh astronomi yang ternama.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan),

Prof. Dr. Ir. R. Badlishah Ahmad berkata, program melalui Insititut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (Eseri) itu dalam masa sama bertujuan menarik minat pelajar untuk tertarik kepada bidang sains dan teknologi.

Katanya, menerusi inisiatif yang julung kali diadakan itu pengunjungan turut diberi peluang untuk menggunakan instrumen astronomi apabila tujuh teleskop dan binokular bagi membolehkan mereka melihat dengan lebih jelas fenomena cakerawala tersebut.

"Kebanyakan subjek sains dilihat sebagai susah tetapi kalau kita meletakkannya sebagai satu keseronokan, secara tidak langsung kita boleh merangsang minat

pelajar, dan seterusnya meningkatkan sokongan ibu bapa.

"Kini pelajar lebih cenderung kepada teknologi maklumat (IT) dan fenomena gerhana bulan penuh ini juga merupakan sebahagian daripada bidang tersebut bagi menjawab persoalan-persoalan seperti kenapa ia berlaku, adakah mempunyai kaitan dengan graviti atau kenapa air pasang pada waktu itu," katanya.

Hampir 1,000 orang berkumpul di pekarangan pantai Tok Jembal pada 31 Januari lalu bagi melihat gerhana bulan penuh dan ia dapat disaksikan dengan jelas pada pukul 8.51 malam.

Program yang dijalankan mulai pukul 7.30 malam itu disertai pelbagai lapisan usia dengan

pengunjung diberi taklimat berkenaan fenomena gerhana bulan penuh oleh penyelidik Eseri, Dr. Roslan Umar selain turut dilakukannya solat sunat gerhana.

Fenomena itu berlaku kali terakhir 152 tahun lalu iaitu pada 31 Mac 1866, dan kali ini peluang menatapnya, sekali seumur hidup dianggap begitu istimewa kerana menggabungkan tiga fenomena bulan secara serentak iaitu *supermoon*, *blue moon* dan juga gerhana bulan penuh.

Menurut R. Badlishah, ekoran sambutan positif yang diterima, maka lokasi tumpuan ramai, Dapo Pata akan dijadikan sebagai kawasan tetap bagi aktiviti galakan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).